

SOALAN NO. 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG

TARIKH : 16 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah mekanisme komunikasi yang ditetapkan antara Kementerian Dalam Negeri dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menjamin pelaksanaan dan penyelarasan efektif sistem daftar pesalah seks kanak-kanak.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

KPWKM telah mewujudkan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu di peringkat KPWKM bagi membincangkan mengenai jenayah seksual secara menyeluruh. Jawatankuasa ini juga memberikan perhatian kepada peranan dan tanggungjawab penting keluarga dan masyarakat demi menjaga dan melindungi kanak-kanak. Sementara Jawatankuasa Teknikal pula ada di peringkat JKM yang akan meninjau dari aspek teknikal pelaksanaan dan pembangunan Daftar Kanak-Kanak selaras dengan Akta A1511. Untuk tujuan ini, Jawatankuasa ini akan bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia dan Mahkamah bagi tujuan penyelarasan maklumat pesalah dan mangsa.

Ahli bagi kedua-dua peringkat Jawatankuasa melibatkan Jabatan Peguam Negara (AGC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Ketua

Pendaftar Mahkamah, Kementerian Kesihatan (KKM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Kerjasama multisektoral ini adalah bagi menjamin pelaksanaan dan penyelarasannya efektif sistem Daftar Kanak-Kanak yang bakal dibangunkan.

Bagi fasa pertama pembangunan Daftar Kanak-Kanak ini, sistem e-JKM iaitu sistem di bawah JKM yang mengandungi nama dan maklumat kanak-kanak yang memerlukan perlindungan yang turut menyimpan maklumat pesalah akan disemak silang (*cross refer*) dengan pihak PDRM bagi menyemak sama ada pesalah ini telah disabitkan di mahkamah. Fasa seterusnya akan melibatkan rujukan secara langsung dengan pihak PDRM untuk melihat daftar pesalah di bawah kelolaan PDRM.